

## **Penghayatan Prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian**

***The Acknowledge of The Principle of Ubudiyyah, Mas'uliyyah And Itqan Among Career Women in Kelantan: An Assessment***

**Amrina Rasyada Kamaruzaman<sup>1</sup>, Nur Aina Mardhiah Che Rahim<sup>2</sup>,  
Noor Fatimah Mujahid<sup>3</sup> & Noorhanis Amran<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: amrina.rasyada93@gmail.com

<sup>2</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: n.ainamardhiah11@gmail.com

<sup>3</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail : noorfatimahmujahid@gmail.com

<sup>4</sup> Academic Services Centre, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: noorhanis91@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan merupakan agenda Kerajaan Negeri Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Tiga prinsip ini juga menjadi satu paksi kepada setiap agensi yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan terhadap wanita berkerjaya di Kelantan. Penyelidikan berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kepustakaan dan kajian kes. Data didapati secara soal selidik dengan mengambil kira kekerapan dan peratusan responden. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan wanita berkerjaya meletakkan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan sebagai paksi dalam bidang mereka. Malahan prinsip ini turut membantu mereka lebih berdisiplin, berdedikasi, tekun dalam melaksanakan tugas. Seterusnya menyedari akan hakikat bekerja merupakan ibadah kepada Allah SWT serta mampu membahagikan masa dengan lebih baik untuk urusan rumah tangga. Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati penghayatan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan dalam kalangan wanita berkerjaya di negeri Kelantan berjaya meningkatkan prestasi kerjaya sebagaimana aspirasi MBI.

**Kata Kunci:** Prinsip; Ubudiyyah Mas'uliyyah dan Itqan; Wanita Berkerjaya; Kelantan

## **ABSTRACT**

*The principle of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan is the agenda of the Kelantan State Government governed by the Kelantan Membangun Bersama Islam Policy (MBI). These three principles also become an axis for every agency under the Kelantan State Government. Hence, this study aims to evaluate the implementation of the principles of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan towards working women in Kelantan. This research uses a qualitative approach in terms of literature and case studies. Data is obtained through a questionnaire by taking into account the frequency and percentage of respondents. The results of this finding found that most working women put the principles of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan as axes in their field. This principle also helps them to be more disciplined, dedicated and diligent in performing tasks. Afterwards, realizing the fact that work is worship to Allah SWT and was able to divide time better for household affairs. In conclusion, this study found that the obligation of the principles of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan among working women in the state of Kelantan succeeded in improving career performance as aspired by MBI.*

**Keywords :** The Principle of Ubudiyah; Mas'uliyyah and Itqan; Women Career; Kelantan

---

## **1. Pendahuluan**

Agama yang suci lagi mulia ini iaitu agama Islam merupakan agama yang sempurna yang meliputi cara hidup dalam menyelesaikan semua permasalahan kehidupan (A. Fuadi 2018). Hal ini demikian kerana agama inilah agama membawa manusia ke jalan yang benar dalam segala aspek yang bersumberkan dalil-dalil yang jelas (Shafiza, 2020). Termasuklah aspek kerjaya turut sama mengikuti ajaran Islam yang bukan hanya membenarkan lelaki sahaja bekerja tanpa melibatkan wanita kerana fitrah akan kedua-duanya saling memerlukan (Solahuddin, 2009).

Sememangnya Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita dari segi hak, peranan, kewajipan, dan tanggungjawab kerana tujuannya adalah memakmurkan bumi bersandarkan agama Islam demi keselamatan di dunia dan akhirat (Embong, 2018).

Perkara ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ  
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الرِّزْكَةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-

Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (Surah at-Taubah, 9: 71)

### ***1.1 Definisi Prinsip Ubudiyyah Mas'uliyyah dan Itqan***

Prinsip Ubudiyyah Mas'uliyyah dan Itqan ini adalah tunggak bagi perkhidmatan awam negeri dan menjadi asas dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, Norhafilah (2015). Ubudiyyah adalah berasal dari perkataan ibadah, dari sudut bahasa bermaksud pengabdian terhadap Allah dengan penuh kecintaan dan merendah diri, mengakui Allah sebagai Tuhan yang mencipta, memiliki, mentadbir, yang hanya berhak disembah serta tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun dalam seluruh kehidupan. Sama ada pegangan, kata-kata dan perbuatan. Manakala sudut istilah merujuk kepada semua amalan yang disukai dan diredhai Allah sama ada perkataan, amalan dan iktikad seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata benar, menunaikan amanah, berbakti kepada ibu bapa, menepati janji, amar makruf nahi mungkar, berbuat baik kepada manusia dan binatang, berdoa, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya (IPTG, 2021).

Berdasarkan Manual Audit UMI (2020), prinsip ini menekankan sifat manusia sebagai hamba kepada Allah bahawa setiap perbuatan dan pekerjaan seharian manusia hendaklah selari dengan syariat yang diturunkan oleh Allah. Ini merupakan asas kepada iman dan taqwa kepada Allah. Hal ini kerana tujuan ibadah itu sendiri meliputi seluruh aspek kehidupan termasuk tingkah laku dalam pekerjaan sama ada perbuatan, perkataan dan gerak hati (niat) yang diredayai Allah. Oleh itu, kecemerlangan dan kejayaan dalam kerjaya dan juga kehidupan ini sangat berkait rapat dengan sejauh mana kita melakukan pekerjaan itu sebaik mungkin kerana Allah.

Seterusnya perkataan mas'uliyyah berasal daripada ﷺ yang memberi maksud soal. Ia dikaitkan dengan persoalan Allah terhadap tugas manusia dan tanggungjawab sebagai khalifah. Tanggungjawab berkenaan bukan sahaja di dunia malah terdapat implikasi di akhirat yang bersifat realistik dan benar. Justeru, mas'uliyyah boleh dilihat sebagai akauntabiliti yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah sebagai pemberi tanggungjawab (Institut Latihan Perguruan Kelantan, 2018).

Berdasarkan Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI), (2021), tanggungjawab ini merangkumi tanggungjawab terhadap Allah, tanggungjawab terhadap diri sendiri dan tanggungjawab terhadap orang lain iaitu keluarga, majikan dan pelanggan. Prinsip ini juga dikaitkan dengan soal amal (syariat).

Manakala itqan bermaksud satu prinsip yang menekankan kepada akhlak dan amalan soleh. Setiap individu wajar berusaha bersungguh-sungguh, tekun dan memberi komitmen yang penuh terhadap tanggungjawab masing-masing dalam urusan kerja. Ini akan melahirkan kualiti kerja yang baik dan

Penghayatan Prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian

cemerlang. Ia juga melibatkan keikhlasan termasuk mutu kerja kerana hanya ajaran Islam yang akan menyelamatkan manusia dunia dan akhirat (Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan (UMI), (2021).

Melihat kepada kepentingan ini, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990 hingga kini (Nurul Akma, 2016) telah menerapkan prinsip ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah, dan Itqan sebagai satu garis panduan kepada pentadbiran agensi kerajaan. Prinsip ini dilaksanakan sebagai garis panduan kepada penjawat awam untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dalam kerjaya masing-masing.

Kerajaan Kelantan dilihat menitikberatkan kualiti kerja rakyatnya dengan terbentuknya prinsip ini. Yayasan Islam Kelantan (YIK) antaranya telah mengadakan satu taklimat khas sempena Program Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan kepada semua kakitangan YIK. Taklimat khas berkenaan yang telah diadakan pada 25 Mac 2021 bertujuan untuk menerapkan serta mengamalkan prinsip ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan dalam diri semua kakitangan YIK. Hasil dari pengauditan, Yayasan Islam Kelantan antara agensi yang telah mendapat markah terbaik dan memuaskan (Yayasan Islam Kelantan, 2022).

Dalam pada itu, melalui akhbar Harakahdaily yang bertarikh pada 6 Mac 2020, Ketua Pemuda PAS Malaysia, Ir Khairil Nizam Khirudin mengesyorkan agar prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan dijadikan sebagai satu panduan dalam melantik anggota kabinet baharu Kerajaan Malaysia. Ini bertepatan untuk menjadikan negara Malaysia bebas dari penyalahgunaan kuasa, tiada rasuah, dan menjadikan hidup sentiasa dalam landasan yang betul. (Harakahdaily, 2020).

Berikut merupakan Nilai Tatalaku yang menjadi rujukan kepada kod etika anggota perkhidmatan awam Negeri Kelantan.

Jadual 1: Nilai Tatalaku Dalam Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan

'UBUDIYYAH	MAS'ULIYYAH	ITQAN
Ikhlas dan niat suci	Amanah,	Mahir dan Tekun,
Bersyukur,	Benar,	Komitmen,
Pengawasan Allah SWT,	Bertanggungjawab,	Cepat, Tepat dan Berkualiti
Balasan dan ganjaran,	Kepatuhan,	Kreatif dan Inovatif
Mencapai keredaan Allah SWT,	Berdisiplin,	Bekerjasama dan Bermuafakat
Bekerja sebagai Ibadat	Berbudi pekerti mulia dan berprasangka baik	Bijaksana, Telus, Adil Berbudi bahasa dan berperibadi mulia

(Sumber: ‘Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan (UMI, 2021)

Justeru sebagai kesimpulannya, prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan amat jelas untuk diterapkan sebagai panduan hidup bukan sahaja sebagai hamba Allah SWT malah sebagai seorang penjawat awam dalam konteks kerjaya seseorang khususnya dalam jiwa seorang wanita. Ia bertepatan dengan tanggungjawab seorang wanita sebagai ibu dan isteri ketika di rumah manakala menjadi seorang penjawat awam ketika berkerjaya di luar rumah. Sehubungan itu kajian ini dilaksanakan untuk menilai pelaksanaan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan terhadap wanita yang berkerjaya di Kelantan.

## 1.2 Wanita Berkerjaya

Sejarah Islam terdahulu telah membuktikan wanita pada zaman Nabi Muhammad SAW termasuk *Ummahat al-Mukminin* berperanan penting pada awal kebangkitan Islam (Azyyati et al., 2012). Peranan daripada isteri-isteri Rasulullah SAW dan para sahabat dalam menyokong agenda suci agama ini telah berhasil dalam membentuk sebuah kerajaan awal Islam di Madinah. (Asyraf et. al 2010). Sebagai contoh Saidatina Khadijah binti Khuwailid, isteri Muhammad Nabi SAW yang merupakan insan terawal memeluk Islam dan membenarkan dakwah Nabi SAW (Aishah, 2010). Beliau merupakan isteri pertama Nabi Muhammad SAW, juga wanita yang dijamin baginya Syurga serta wanita pertama mendapat salam dari Allah SWT (Indana, 2017). Begitu juga Yasir dan Sumayyah, ibu Ammar bin Yasir yang disiksa oleh Abu Jahal serta sekutunya diseksa di padang pasir yang panas, sehingga meninggal dunia demi membuktikan keislaman mereka (Nizar, 2015).

Menurut Asyraf (2010), Sayyid Qutb telah membawa contoh ibunya sendiri iaitu Fatimah, yang menjadi sumber inspirasi kepada beliau kerana ibunya banyak mengorbankan masa demi membentuk keperibadian anak-anak dengan asuhan agama serta menghafaz ayat-ayat suci al-Quran sehingga beliau sendiri turut berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran.

Oleh itu dengan nilai-nilai yang diterapkan dalam agama Islam, wanita diletakkan pada kedudukan yang tinggi dan dihormati (Juwita, 2018). Contohnya pada zaman moden, peranan wanita dalam medan ilmu pengetahuan semakin meningkat maju dari semasa ke semasa. Perkembangan ini menunjukkan meluasnya peranan dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Golongan wanita pada zaman ini semakin hari semakin menempa kejayaan dan kecemerlangan dalam kerjaya dan keluarga, seiring dan setanding dengan golongan lelaki. Oleh itu, peranannya bukan sahaja berlegar di rumah sahaja sebagai ibu dan isteri, malah semakin diperlukan dalam medan masyarakat sama ada bidang ekonomi, sosial maupun politik.

Namun begitu, faktor yang diambil kira ialah bagaimana wanita diuruskan di tempat kerja. Ramai wanita yang bekerja menghadapi banyak di tempat kerja mereka seperti beban kerja yang berat, kenaikan pangkat yang tidak adil dan masalah dengan rakan sekerja (Noor Rahamah, 2012).

Memahami kedudukan wanita bekerja mengikut kefahaman Islam adalah penting untuk menerapkan hukum Islam dengan berkesan. Menurut (Adawiya Ismail, Salasiya Hanin Hamjah: 2012), pemahaman ini sangat penting untuk dibentuk agar tidak mengabaikan peranan hakiki wanita dalam keluarga serta kebolehan mengimbangi kerja dan keluarga. Isu kehadiran wanita di tempat kerja perlu dikaji dan diperhalusi berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Islam. Antara syaratnya ialah pekerjaan, masa dan bidang yang sesuai, sentiasa menjaga diri, menjaga pergaulan antara lelaki dan perempuan, mendapat kebenaran, pekerjaan yang dibenarkan oleh syariah, dan tidak menghalangi komitmen kepada Tuhan Yang Maha Esa, diri dan keluarga. Tambahnya, kefahaman ini penting supaya status wanita jelas dan membantu antara satu sama lain untuk memperkasakan permasalahan diri, keluarga, agama, bangsa dan tanah air.

Cabarannya bagi wanita berkerjaya ialah membahagikan masa mereka antara kerja dan kehidupan rumah mereka. Menurut Naemah (2015), pekerjaan sebenar seseorang wanita adalah di rumah, dan wanita profesional yang cemerlang adalah memuliakan dan menghormati suaminya walaupun dia mempunyai status yang lebih tinggi daripada suaminya. Faktor sokongan padu daripada individu dan orang sekeliling juga menjadi sebab kecemerlangan wanita.

Demikian itu, wanita perlu mempunyai panduan khusus ketika memilih kerjaya bagi mengelakkan dari masalah yang mungkin timbul sebagai ibu dan isteri di rumah serta pekerja di tempat kerja.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada wanita yang berkerjaya di negeri Kelantan yang melaksanakan prinsip Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan di tempat mereka. Beberapa agensi yang menjalankan prinsip Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan dipilih untuk menjawab soal selidik yang berkaitan wanita yang berkerjaya.

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif dan kajian kes. Data pula diperoleh melalui borang soal selidik yang mana soalan diagihkan kepada responden di setiap agensi yang terpilih. Data juga diagihkan secara *online* (*google form*) kepada agensi yang terletak di daerah Gua Musang atas faktor lokasi yang agak jauh.

Borang soal selidik telah mendapat kesahan daripada penilai prinsip UMI iaitu Prof Madya Dr Shukeri Mohamad (Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya Bachok) dan penilai metode oleh Dr Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir (Pensyarah Jabatan Usuludin, KIAS). Para penyelidik membina soal selidik yang terdiri daripada bahagian demografi dan 57 soalan yang telah diubahsuai daripada tinjauan yang telah dijalankan oleh Amrina Rasyada binti Kamaruzaman (Pensyarah

Jabatan al-Quran dan Hadis, KIAS) dalam kajiannya yang bertajuk Penulisan Jawi Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Di Peringkat Menengah: Isu Dan Cabaran (2019). Sebanyak 57 soalan terdiri daripada tiga bahagian iaitu 20 soalan berkenaan pelaksanaan prinsip Ubudiyyah, 20 soalan mengenai pelaksanaan prinsip Mas'uliyyah dan 17 soalan berkenaan pelaksanaan prinsip Itqan.

### **2.1 Prosedur Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan terhadap wanita berkerjaya di Kelantan. Oleh itu sebanyak 14 agensi yang terpilih telah dihubungi dan diberikan surat kebenaran untuk menjalankan kajian. Agensi-agensi tersebut dipilih dari pelbagai daerah di negeri Kelantan yang menjalankan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan di tempat mereka. Para penyelidik bertemu dengan para responden di setiap agensi dan mengedarkan borang soal selidik. Para penyelidik juga menyediakan borang soal selidik secara *online* (*google form*) kepada agensi yang berada di daerah yang jauh iaitu daerah Gua Musang.

## **3. Hasil Kajian dan Perbincangan**

Hasil kajian dari soal selidik yang telah dijalankan secara lapangan dan *online* (*google-form*) berdasarkan pemboleh ubah demografi terpilih seperti kategori jabatan, jajahan, umur, status, pendidikan tertinggi, kumpulan khidmat, tempoh perkhidmatan, gaji, dan anugerah pencapaian cemerlang. Sebanyak 312 data responden berjaya dikumpulkan.

### **3.1 Demografi Responden**

	<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kategori Jabatan	Majlis Daerah	61	20.2
	Pejabat Tanah & Jajahan	13	4.3
	Kehakiman Syariah	15	5.0
	Pendidikan	90	29.8
Jajahan	Lain-lain	123	40.7
	Kota Bharu	228	75.5
	Pasir Mas	13	4.3
Umur	Tumpat	17	5.6
	Tanah Merah	18	6.0
	Gua Musang	26	8.6
	18-30 tahun	69	22.8
	31-40 tahun	131	43.4

Penghayatan Prinsip Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian

	41-50 tahun	71	23.5
	51-60 tahun	31	10.3
Status	Bujang	56	18.5
	Berkahwin	232	76.8
	Balu / Janda	14	4.6
Pendidikan tertinggi	SPM	45	14.9
	Diploma/ STPM / STAM	91	30.1
	Ijazah Sarjana Muda	124	41.1
	Ijazah Sarjana	40	13.2
	Ijazah Doktor Falsafah	2	.7
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Atasan	3	1.0
	Pengurusan dan Profesional	72	23.8
	Kumpulan Sokongan	218	72.2
	Lain-lain	9	3
Tempoh Berkhidmat	Kurang 5 tahun	82	27.2
	6 - 10 tahun	81	26.8
	11 - 15 tahun	70	23.2
	16 - 20 tahun	26	8.6
	21 tahun dan lebih	43	14.2
Gaji	RM2,000 ke bawah	106	35.1
	RM2,000-RM4,000	145	48.0
	RM4,000 ke atas	51	16.9
Anugerah Khidmat Cemerlang	Pernah	113	37.4
	Tidak Pernah	189	62.6

Latar belakang kajian ini dipilih mengikut agensi-agensi yang melaksanakan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Agensi-agensi tersebut telah bersama-sama membawa agenda Kerajaan Negeri Kelantan demi mencapai dasar “Merakyatkan Membangun Bersama Islam”.

Demografi kajian ini dengan merujuk Jadual 2: Demografi iaitu terbahagi kepada sembilan perkara. Satu analisis berkaitan dengan kategori jabatan menunjukkan jabatan lain-lain yang paling ramai mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan dalam kerjaya masing-masing. Manakala mengikut jajahan, jajahan Kota Bharu mencatat bacaan tertinggi wanita berkerjaya yang mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Hal ini kerana, Kota Bharu merupakan pusat bandar bagi negeri Kelantan iaitu satu-satunya negeri yang terkenal dengan ‘Serambi Mekah’.

Dari segi peringkat umur pula, usia di antara 31-40 tahun menunjukkan peratusan paling ramai mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Hal ini kerana ketika usia ini wanita masih bertenaga serta bersemangat dalam bekerja. Dalam fasa ini juga menunjukkan kematangan usia wanita. Selain itu, dari segi status, wanita yang berstatus kahwin, ramai yang

mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Pemikiran positif akan membantu wanita mengubah pemikiran negatif minda bawah sadar, agar individu itu akan kembali bersemangat dan berkeyakinan.

Selain itu, merujuk kepada tahap pendidikan wanita berkerjaya tersebut, yang yang paling ramai adalah diperingkat Ijazah Sarjana Muda. Seterusnya, bagi kumpulan sokongan di bawah kumpulan perkhidmatan menunjukkan jumlah tertinggi yang mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan. Hal ini kerana, kumpulan ini banyak terdedah dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Manakala dari sudut tempoh perkhidmatan pula didapati pekerja dengan tempoh perkhidmatan kurang dari 5 tahun lebih ramai mengamalkan prinsip ini. Ini kerana, prinsip ini baru diberi pendedahan kepada masyarakat terutama kepada wanita yang berkerjaya.

Di sini boleh disimpulkan bahawa para wanita berkerjaya itu telah mengamalkan prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan. Mereka juga mengakui hakikat berkerja adalah untuk Allah, juga satu ibadah kepada Allah Ta'ala.

### **3.2 Pelaksanaan Prinsip 'Ubudiyyah**

Dapatan kajian yang pertama adalah mengenai pelaksanaan prinsip 'Ubudiyyah dalam kalangan wanita bekerjaya di agensi yang terpilih di Kelantan.

Berdasarkan Infografik Membangun Bersama Islam Ubudiyyah Mas'uliyyah dan Itqan (2021), terdapat enam nilai tatalaku bagi 'Ubudiyyah yang telah diterapkan iaitu ikhlas dan niat suci, bekerja sebagai ibadat, pengawasan Allah SWT, balasan dan ganjaran, mencapai keredaan Allah SWT dan bersyukur. Nilai tatalaku ini dijadikan sebagai kod etika bagi Anggota Perkhidmatan Awam di Kelantan. Sehubungan itu, dapatan ini hanya memilih tiga nilai sahaja dari enam nilai tatalaku tersebut. Berikut merupakan hasil kajian dari nilai tatalaku yang diperoleh:

#### **3.2.1. Nilai Tatalaku Ikhlas, Niat suci, dan Pengabdian kepada Allah**

<b>No</b>	<b>Perkara</b>	<b>1 TP</b>	<b>2 SS</b>	<b>3 KK</b>	<b>4 AK</b>	<b>5 S</b>
C1	Saya cuba memahami dan menghayati visi dan misi jabatan/agensi saya.		12 4.0%	56 18.5%	99 32.8%	135 44.7%
C2	Saya berusaha untuk memahami bahawa memenuhi visi & misi jabatan/agensi selari dengan tuntutan agama.		7 2.3%	38 12.6%	95 31.5%	162 53.6%

Penghayatan Prinsip Ubudiyah, Mas’uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian

C3	Saya memperbaharui niat saya bekerja untuk mendapat rezeki halal dan redha Allah.	4 1.3%	9 3.0%	60 19.9%	229 75.8%
C20	Saya meletakkan ‘mindset’ bahawa pekerjaan saya sebagai satu ibadah kepada Allah SWT.	1 0.3%	4 1.3%	5 1.7%	40 13.2%

Dapatan di atas menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bagaimana untuk menjadikan kerjaya bernali ibadah dari aspek ibadah hati. Hal ini selari dengan kefahaman bahawa sesuatu amalan itu ditentukan dengan niat. Walaubagaimanapun, dari sudut konsistensi dan amalan yang lebih terperinci seperti C1 dan C2 menunjukkan peratusan yang semakin berkurang. Jurang perbezaan sebanyak 38.7% antara C20 dan C1 menunjukkan sejumlah besar responden mempunyai kefahaman yang belum mendalam dan tidak praktikal. Maka, sewajarnya perkara ini diambil perhatian oleh pihak majikan supaya menilai semula dan menambah baik kaedah penyampaian maklumat berkaitan ‘ubudiyah dalam kerjaya.

### 3.2.2. Nilai Tatalaku Pengawasan Allah

No	Perkara	1 TP	2 SS	3 KK	4 AK	5 S
C5	Saya memenuhi waktu keberadaan saya di pejabat walaupun ketika tidak dipantau oleh majikan.		4 1.3%	8 2.6%	90 29.8%	200 66.2%
C10	Saya menjaga batas pergaulan (percakapan, pandangan) sesama rakan sekerja lelaki.	3 1.0%	11 3.6%	11 3.6	85 28.1%	192 63.6%
C11	Saya berpakaian menutup aurat dengan sempurna semasa bekerja.	1 0.3%	6 2.0%	9 3.0%	68 22.5%	218 72.2%

Maksud nilai tatalaku ini ialah menyedari bahawa segala gerak kerja yang dilakukan sentiasa berada di bawah pengawasan dan pemantauan Allah SWT. Pergaulan masa kini agak sukar dibendung oleh peraturan manusia memandangkan teknologi dan kemudahan yang ada membolehkan pergaulan antara manusia berlaku tanpa had masa dan tempat dan tanpa dilihat oleh manusia lain. C10 boleh menjadi faktor kepada permasalahan lain seperti masalah rumah tangga, pengabaian kerja dan sebagainya. Peratusan wanita yang sentiasa menjaga perkara ini masih ditahap yang kurang memuaskan menunjukkan perkara ini perlu diberi perhatian serius.

Manakala C11 menunjukkan peratusan yang lebih tinggi berbanding C10. Walaubagaimanapun, peratusan berkenaan masih berada ditahap yang perlu diberi perhatian serius memandangkan perkara ini menjadi antara faktor berlakunya gangguan seksual terhadap wanita berkerjaya. Maka hanya kesedaran bahawa setiap perlakuan adalah di bawah pengawasan Allah SWT

termasuk bekerja dalam keadaan patuh syariat dapat membantu mengatasi masalah ini secara optimum. Hal ini perlu diambil perhatian oleh para wanita berkerjaya kerana ia termasuk dalam syarat pekerjaan itu dinilai ibadah.

### **3.3 Pelaksanaan Prinsip Mas'uliyyah**

Hasil kajian yang seterusnya adalah mengenai pelaksanaan prinsip Mas'uliyyah dalam kalangan wanita bekerjaya di agensi yang terpilih di Kelantan.

Berdasarkan Infografik Membangun Bersama Islam Ubudiyyah Mas'uliyyah dan Itqan (2021), terdapat tujuh nilai tatalaku bagi Mas'uliyyah yang telah diterapkan iaitu amanah, benar, bertanggungjawab, berdisiplin, kepatuhan, berbudi pekerti mulia dan berprasangka baik. Nilai tatalaku ini dijadikan sebagai kod etika bagi Anggota Perkhidmatan Awam di Kelantan. Dapatkan ini hanya memilih tiga nilai sahaja dari tujuh nilai tatalaku tersebut iaitu nilai tanggungjawab, amanah dan disiplin. Berikut merupakan hasil kajian dari nilai tatalaku yang diperoleh:

#### **3.3.1 Nilai Tanggungjawab**

No	Perkara	1 TP	2 SS	3 KK	4 AK	5 S
D1	Saya bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.	3 1.0%	2 0.7%	49 16.2%	248 82.1%	
D3	Saya melakukan kerja-kerja luar semasa melaksanakan kerja hakiki.	126 41.7%	92 30.5%	40 13.2%	15 5.0%	29 9.6%
D4	Saya berusaha menghindari kepentingan peribadi mengatasi kepentingan tugas ketika bekerja.	18 6.0%	22 7.3%	21 7.0%	95 31.5%	146 48.3%
D6	Saya memastikan peralatan elektrik pejabat ditutup suis sebelum meninggalkan pejabat.		5 1.7%	7 2.3%	60 19.9%	230 76.2%
D13	Saya menjaga kebersihan tempat kerja saya.		3 1.0%	2 0.7%	65 21.5%	232 76.8%
D14	Saya menggunakan Internet pejabat untuk melayari media sosial bagi menghilangkan rasa bosan.	114 37.7%	125 41.4%	46 15.2%	14 4.6%	3 1.0%

Melihat kepada dapatan ini, wanita berkerjaya di agensi yang terpilih di Kelantan telah mengamalkan prinsip Mas'uliyyah dalam kerjaya mereka. Nilai kebertanggungjawaban mereka pada soalan D1 sangat tinggi iaitu 82.1% iaitu dengan 248 orang yang melaksanakan tanggungjawab semasa bekerja. Manakala 16.2% iaitu 49 orang ‘Agak Kerap’ melaksanakan tanggungjawab

itu. Peratusan dan kekerapan terhadap persoalan ini menunjukkan mereka sangat bertanggungjawab terhadap amanah yang telah diberikan.

Seterusnya soalan D3 dan D4 menunjukkan nilai tanggungjawab sewaktu bekerja. Soalan D3 sebanyak 41.7% iaitu 126 orang ‘Tidak Pernah’ melakukan kerja-kerja luar semasa melaksanakan tugas-tugas hakiki. Ini menunjukkan nilai tanggungjawab yang tinggi bagi mereka. Manakala 30.5% iaitu 92 orang ‘Sekali-sekala’ dan 13.2% iaitu 40 orang ‘Kadang-kadang’ melakukan kerja-kerja luar sewaktu berkerja. Namun terdapat juga 5% dan 9.6% iaitu 15 orang dan 29 orang yang ‘Agak Kerap’ serta ‘Sentiasa’ melakukan aktiviti luar semasa bekerja. Peratusan ini adalah rendah namun perlu dinasihatkan agar melaksanakan tanggungjawab sewaktu berkerja. Soalan D4 sebanyak 48.3% iaitu 146 orang ‘Selalu’ dan 31.5% iaitu 95 orang ‘Agak Kerap’ dalam usaha menghindari kepentingan peribadi mereka mengatasi kepentingan tugas ketika bekerja. Namun terdapat juga dalam kalangan mereka yang kurang berusaha untuk menghindari kepentingan peribadi semasa bekerja iaitu 7% ‘Kadang-kadang’, 7.3% ‘Sekali-sekala’ dan 6% seramai 18 orang ‘Tidak Pernah’. Ini menunjukkan terdapat juga golongan yang mencampurkan urusan kerja dengan urusan peribadi.

Manakala soalan D6, D13 dan D14 menunjukkan nilai tanggungjawab terhadap penggunaan peralatan pejabat, kebersihan di tempat kerja, penggunaan internet untuk kepentingan peribadi. Secara ringkasnya soalan D6 dan D13 menunjukkan hasil yang tinggi dengan peratusan hampir 80% iaitu mereka tidak membazir dalam penggunaan tenaga elektrik serta sangat menjaga kebersihan. Peratusan dan kekerapan keduanya adalah 76.2% dan 76.8% iaitu 230 orang dan 232 orang. Seterusnya soalan D14 menunjukkan kekerapan dan peratusan yang tinggi terhadap nilai tanggungjawab wanita berjaya itu. Sebanyak 37.7% iaitu 114 orang dan 41.4% iaitu 125 orang yang ‘Tidak Pernah’ dan ‘Sekali-Sekala’ menggunakan Internet pejabat untuk melayari media sosial bagi menghilangkan rasa bosan mereka. Hasil ini menunjukkan mereka hanya menggunakan internet bagi tujuan terpencil dan tidak membelakangi pekerjaan hakiki.

### **3.3.2. Nilai Disiplin**

No	Perkara	1	2	3	4	5
		TP	SS	KK	AK	S
D5	Saya sampai di tempat kerja pada waktu yang ditetapkan oleh majikan.		5 1.7%	15 5.0%	91 30.1%	191 63.2%
D7	Saya menyiapkan kerja dengan segera tanpa bertangguh.		4 1.3%	15 5.0%	112 37.1%	171 56.6%
D18	Saya hadir mesyuarat lewat kerana menyelesaikan urusan peribadi terlebih dahulu.	243 80.5%	42 13.9%	10 3.3%	6 2.0%	1 0.3%

Nilai Tatalaku kedua bagi prinsip Mas'uliyyah yang dipilih adalah disiplin. Sikap disiplin adalah asas kepada kejayaan bagi seseorang individu. Dapatkan kajian bagi soalan D5, D7 dan D18 menunjukkan wanita berkerjaya di agensi-agensi terpilih sangat berdisiplin. Mereka menepati masa serta segera menyiapkan kerja tanpa bertangguh. Peratusan dan kekerapan juga tinggi iaitu 63.2% (191 orang) dan 56.6% (171 orang). Manakala sebanyak 80.5% (243 orang) ‘Tidak Pernah’ lewat dalam menghadiri mesyuarat serta tidak mengutamakan urusan peribadi. Mereka berjaya mengutamakan urusan hakiki yang lebih penting iaitu hadir mesyuarat tepat pada masanya.

### **3.3.3. Nilai Amanah**

No	Perkara	1	2	3	4	5
		TP	SS	KK	AK	S
D8	Saya jujur dalam membuat tuntutan kewangan ( <i>claim</i> )	3 1.0%	4 1.3%	1 0.3%	46 15.2%	248 82.1%
D9	Saya menggunakan kemudahan cuti (MC/EL) dengan betul.		3 1.0%	7 2.3%	43 14.2%	249 82.5%
D12	Saya menjaga kerahsiaan maklumat daripada diketahui oleh pihak yang tidak berkaitan.	1 0.3%	4 1.3%	5 1.7%	46 15.2%	246 81.5%

Nilai tatalaku ketiga yang dipilih bagi prinsip Mas'uliyyah adalah nilai amanah. Nilai amanah amat berkait rapat dengan integriti bagi seseorang individu. Jika melihat pada dapatan ini, soalan D8, D9 dan D12 menunjukkan responden sangat amanah terhadap tuntutan kewangan (*claim*), kemudahan cuti serta menjaga kerahsiaan maklumat daripada pihak yang tidak berkaitan. Peratusan dan kekerapan yang tinggi dengan hasil yang melebihi 80% itu boleh disimpulkan bahawa mereka sangat amanah dalam melaksanakan kerja-kerja serta menjaga kerahsiaan di tempat kerja.

### **3.4 Pelaksanaan Prinsip *Itqan***

Manakala hasil kajian terhadap Pelaksanaan Prinsip *Itqan* adalah dengan merujuk kepada buku ‘Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan ‘Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI)’, nilai tatalaku di bawah Itqan adalah seperti nilai mahir, nilai tekun dan komitmen, nilai kreatif dan inovatif, nilai cepat, tepat dan kualiti serta nilai bekerjasama dan bermuafakat iaitu seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Namun pengkaji akan memfokuskan kepada tiga nilai yang dipilih sahaja iaitu nilai tekun dan komitmen, nilai cepat, tepat dan berkualiti, serta nilai bekerjasama dan bermuafakat. Berikut merupakan penerangan kepada setiap nilai yang dipilih:

### **3.4.1 Tekun dan Komitmen**

No	Perkara	1	2	3	4	5
		TP	SS	KK	AK	S
E4	Saya pulang ke rumah setelah selesai melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.	4 1.3%	2 0.7%	16 5.3%	89 29.5%	191 63.2%
E5	Saya pulang ke rumah setelah cukup tempoh masa keberadaan di pejabat.	1 0.3%	9 3.0%	17 5.6%	64 21.2%	211 69.9%
E7	Saya menyemak hasil kerja saya sebelum diserah kepada ketua atau pihak berkaitan.		2 0.7%	10 3.3%	71 23.5%	219 72.5%
E8	Saya melaksanakan tugas dengan ceria, cergas, dan mesra pelanggan.		2 0.7%	9 3.0%	84 27.8%	207 68.5%

Berdasarkan dapatan kajian, soalan E7 mencatat peratusan yang paling tinggi, iaitu '*saya menyemak hasil kerja saya sebelum diserah kepada ketua atau pihak berkaitan*'. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa para pegawai memahami dengan jelas nilai tekun dan komitmen yang diterapkan oleh prinsip UMI iaitu melaksanakan tanggungjawab dengan tekun dan sempurna kerana proses semakan hasil kerja merupakan suatu proses seseorang pegawai itu ingin mendapatkan hasil yang memuaskan malah mencapai tahap sempurna. Namun begitu, terdapat juga peratusan yang rendah dalam kefahaman ini, iaitu sebanyak 4% wanita yang kurang menyemak terlebih dahulu hasil kerja. Hal ini perlu diberi perhatian juga walau sumbangan nilainya agak rendah kerana ia memberi kesan kepada tahap kesempurnaan sesuatu tugas.

Komitmen yang tinggi terhadap tugas juga boleh dilihat melalui peratusan tinggi yang diberikan kepada soalan E4 dan E5 yang mana penyempurnaan tugas dan tempoh keberadaan masa diambil kira terlebih dahulu sebelum para pegawai pulang ke rumah. Hal ini sangat bertepatan dengan prinsip Itqan yang dipakai di agensi masing-masing iaitu dengan menyelesaikan tugas atau tanggungjawab dengan sepenuh komitmen sebelum pulang ke rumah. Kesannya, tugas akan berjalan dengan lancar tanpa ada penangguhan. Nilai ini berkait rapat dengan soalan E7 iaitu setiap tugas disemak terlebih dahulu dan proses berlaku dengan sempurna jika nilai pada soalan E4 dan E5 dipakai dalam diri setiap pegawai.

### **3.4.2 Nilai Cepat, Tepat dan Berkualiti**

Seterusnya nilai kedua yang diaplikasikan dari prinsip Itqan ini ialah nilai cepat, tepat dan berkualiti. Soalan-soalan yang ditanya dalam borang soal selidik yang berkaitan dengan nilai ini boleh dilihat seperti berikut:

No	Perkara	1	2	3	4	5
		TP	SS	KK	AK	S
E1	Saya menyiapkan tugas yang diberikan dengan cepat dan berkualiti.	4 1.3 %	6 2.0 %	104 34.4 %	188 62.3 %	
E2	Saya melaksanakan tanggungjawab dengan mengikut SOP yang diberikan.	2 0.7 %	5 1.7 %	82 27.2 %	213 70.5 %	
E3	Saya menyempurnakan tugas dalam tempoh masa yang diberikan.	3 1.0 %	8 2.6 %	99 32.8 %	192 63.6 %	
E9	Saya berusaha menambah baik kualiti kerja saya dari semasa ke semasa.	2 0.7 %	5 1.7 %	58 19.2 %	237 78.5 %	

Berdasarkan data di atas, skala pada E9 mencatat peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 78.5%. Hal ini wajar dilazimi oleh para pegawai kerana kemahiran dan kualiti kerja perlu ditambah baik dari semasa ke semasa agar hasil bermutu dan menepati kehendak pelanggan serta keadaan semasa. Mutu atau hasil yang optimum dapat dinikmati jika tugas yang diberikan dapat disiapkan pada tempoh masa yang diberikan tanpa bertangguh. Hal ini sejajar dengan persoalan pada E1, E2 dan E3 yang mana skala paling tinggi dicatatkan pada skala ‘sentiasa’ yang membawa maksud para pegawai memahami dengan jelas tindakan dan tugas yang perlu disempurnakan dengan baik dan berkualiti mengikut tempoh dan SOP yang diberikan. Namun peratusan rendah juga perlu diambil perhatian kerana walaupun ramai yang melaksanakan tugas dengan baik namun didapati ada yang mengambil remeh tentang hasil kualiti dan mutu tugas yang diberikan oleh majikan.

### **3.4.3. Nilai Bekerjasama dan Bermuafakat**

Nilai ini diuji juga kepada para pegawai untuk mengetahui tahap kerjasama yang jitu di antara mereka yang mana akan melahirkan satu pasukan yang mantap dan harmoni.

No	Perkara	1 TP	2 SS	3 KK	4 AK	5 S
E10	Saya memastikan rakan sekkerja agar tekun dalam bekerja.	7 2.3%	60 19.9%	99 32.8%	136 45.0%	
E11	Saya mendapatkan penjelasan ketua sekiranya terdapat kekeliruan sebelum menyelesaikan sesuatu tugas.	5 1.7%	14 4.6%	61 20.2%	222 73.5%	
E15	Saya berdiam diri sekiranya terdapat sesuatu yang saya tidak puas hati terhadap ketua.	32 10.6%	56 18.5%	82 27.2%	71 23.5%	61 20.2%

Penghayatan Prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian

E16	Saya berbincang dengan rakan sekerja sekiranya tidak berpuas hati dengan ketua.	60 19.9%	70 23.2%	60 19.9%	63 20.9%	49 16.2%
E17	Saya berterus terang dengan ketua sekiranya ada perkara yang tidak puas hati atau tidak betul pada pandangan saya.	31 10.3%	50 16.6%	76 25.2%	80 26.5%	65 21.5%

Berdasarkan data di atas, soalan pada E11 mencatatkan nilai peratusan yang sangat tinggi berbanding yang lain. Ini menunjukkan para pegawai mengambil kira faktor kerjasama sepasukan iaitu dengan mendapatkan penjelasan ketua sekiranya terdapat kekeliruan sebelum menyelesaikan sesuatu tugas. Kefahaman ini dilihat jelas dan bersih dalam diri para pegawai memandangkan peratusan pada skala ‘Tidak Pernah’ mencatat 0%. Hal seumpama ini juga boleh dilihat pada isu soalan E10 iaitu “*Saya memastikan rakan sekerja agar tekun dalam bekerja*” yang mana skala ‘sentiasa’ mencatat angka paling tinggi. Ini bermakna nilai saling menjaga kebijakan sesama para pegawai dilihat sangat dititik beratkan sesama mereka.

Namun begitu, nilai ini juga perlu diberi perhatian kepada data soalan E15 dan E17 yang mana nilai sifat sepasukan dan bekerjasama dilihat pudar dalam diri para pegawai. Umpamanya pada data E15, peratusan paling tinggi dilihat pada skala ‘Kadang-kadang’ yang mana ia menunjukkan nilai bekerjasama dan bermuafakat dilihat rendah dalam diri pegawai kerana tidak menyatakan ketidakpuasan hati dalam bekerja yang mana akan memberi kesan kepada kualiti tugasan.

#### 4. Kesimpulan

Kajian ini penting bagi menilai pelaksanaan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah, Itqan terhadap wanita berkerjaya di setiap agensi yang terpilih di negeri Kelantan. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan wanita berkerjaya meletakkan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan sebagai paksi dalam bidang mereka. Malahan prinsip ini turut membantu mereka lebih berdisiplin, berdedikasi, tekun dalam melaksanakan tugas. Seterusnya menyedari akan hakikat bekerja merupakan ibadah kepada Allah SWT serta mampu membahagikan masa dengan lebih baik untuk urusan rumah tangga.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan ini dijadikan rujukan dan panduan saat melaksanakan setiap tugas kerja. Sebagai kesinambungan, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada penyelidik baru akan datang. Dicadangkan juga supaya penyelidikan seterusnya boleh membuat kajian tentang keberkesanan pelaksanaan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah, Itqan terhadap staf lelaki.

Justeru, jelaslah bahawa prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan menjadi rujukan dan panduan yang jelas bagi wanita yang berkerjaya. Hal ini kerana data yang diperolehi boleh membantu Kerajaan Negeri Kelantan untuk melihat kejayaan prinsip ini terhadap wanita berkerjaya khususnya dalam memperkasakan lagi prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyyah, Itqan bagi menjayakan dasar Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

### Rujukan

- Ab Rahman, A. H., Ahmad, W. I. W., & Ismail, Z. (2010). Peranan wanita dalam pembangunan keluarga dari perspektif Fi Zilal Al-Quran. *Journal of Governance and Development*, 6, 14-21.
- Aishah Shaari, (2010). *Wanita Pertama Memeluk Agama Islam: Siti Khadijah binti Khuwailid r.a.* Petaling Jaya: Anugerah Publications.
- Al-Quran Al-Karim, (2020) , Al-Quran Tafsir bil Hadis, Selangor, Karya Bestari SDN BHD.
- Bakar, N. R. A. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.
- Empong, R. (2018). Wanita dalam Perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 1(2), 52-59.
- Fuadi, A. (2018). Studi Islam (Islam Eksklusif dan Inklusif). *Jurnal Wahana Inovasi*, 7(2), 49-55.
- Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S., & Salleh, N. (2019). Kualiti kerja dalam organisasi: Tinjauan dari perspektif pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 60-70.
- Indana, N. (2018). Tela'ah Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Pada Kisah Sayyidatina Khadijah Istri Rasulullah. *Dar El-Ilmi: Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan Dan Humaniora*, 5(1), 123-144.
- Infografik Membangun Bersama Islam 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (2021), Kelantan : Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).
- Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (2021). Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI). Kelantan: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia.
- Ismail, A., & Hamjah, S. H. (2012). Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Bekerjaya menurut Islam. *Al-Hikmah*, 4, 3-14.
- Ismail, S. (2009). Pembentukan organisasi cemerlang: Pandangan Islam dalam melantik pemimpin. *Jurnal Usuluddin*, 29, 207-220.
- Juwita, D. R. (2018). Pandangan hukum islam terhadap wanita karir. *El-Wasathiya: Jurnal Studi Agama*, 6(2), 175-191.
- Kamaruzaman, A. R. & bin Nik Abdullah, N. M. S.(2019). Penulisan Jawi Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Di Peringkat Menengah: Isu Dan Cabaran. *Jurnal KIAS*, 14(1), 1 - 30. Retrieved from <http://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/155>
- Manual MBI (Membangun Bersama Islam) dalam Profesionalisme Keguruan. (2018). Kelantan : Institut Latihan Perguruan Kelantan.
- Musa, N. (2015). Penerapan Konsep Mas'uliyyah Dan Amanah Dalam Pentadbiran Awam Ke Arah Bersih Rasuah-Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI). *Jurnal Keputeraan*. Jilid, 3.

Penghayatan Prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya di Kelantan: Satu Penilaian

- Mustari, Mohd. Ismail and Basiron, Bushrah and Hamzah, Naemah (2015) Model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Jurnal Sains Humanika*, 4 (1). pp. 37-46. ISSN 2289-6996.
- Nazim, A. M., Sham, F. M., & Hamjah, S. H. (2012). Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW. *Al-Hikmah*, 4, 37-49.
- Nizar, C. (2015). Kontekstualisasi Jihad Perspektif Ke-Indonesia-an. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 16(1), 21-44.
- Nurul Akma binti Mohamed, Prof Madya Dr. Shukeri Bin Mohamed (2016), Program Wanita Negeri Kelantan di Bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian dan Cabaran, Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016.
- Safie, S., & Mohamed, Z. (2020). Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran And Al-Sunnah*, 5(2), 49-58.
- Walian, A. W. (2012). Konsepsi Islam Tentang Kerja Rekonstruksi Terhadap Pemahaman Kerja Seorang Muslim. *An-Nisa'a*, 7(1), 65-80.